

Tebing Sungai Sering diperkukuh

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan memasang cerucuk bakau di tebing Sungai Sering dalam tempoh terdekat ini sebagai usaha menangani keluhan penduduk Kampung Batu 9 1/2 Cheras di sini.

Jurucakap JPS ketika ditemui *KOSMO!* selepas membuat lawatan menjejut ke lokasi tersebut semalam memberitahu, kerja-kerja pemasangan cerucuk akan dibuat di beberapa bahagian strategik tebing yang terhakis dan berisiko tinggi.

Menurutnya, kerja menanam cerucuk akan dijalankan secepat mungkin bagi memastikan keselamatan penduduk di kawasan berhampiran tebing sungai itu terjamin.

Wakil JPS itu menjelaskan, jarak tebing yang terhakis dari rumah penduduk tidaklah terlalu dekat tetapi langkah-langkah pembetulan tetap dibuat bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

KOSMO! semalam melaporkan adu-

an penduduk yang berhadapan risiko hakisan tebing Sungai Sering.

Penduduk mendakwa, aliran sungai yang deras sudah semakin menghakis tebing dan ia dipercayai menjadikan ada rumah kini cuma lima meter dari sungai.

“Sebelum ini JPS ada menerima aduan daripada penduduk mengenai banjir tetapi tidak pernah menerima pula aduan hakisan tanah.

“Kami telah melakukan beberapa usaha bagi menangani banjir di kawasan ini seperti meruntuhkan jambatan kecil untuk melebarkan laluan di bahagian muara,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Hulu Langat, Markiman Kobiran berkata, langkah segera daripada JPS dapat meredakan kerisauan penduduk ekoran kejadian hakisan tanah yang boleh membahayakan nyawa.

Beliau pada masa sama turut memaklumkan bahawa semua mangsa banjir di kawasan itu akan menerima sumbangan daripada kerajaan negeri dan bantuan berkenaan bertujuan meringankan beban penduduk yang berhadapan masalah hakisan itu.



MARKIMAN (kiri) bersama-sama pegawai JPS Hulu Langat melawat tempat hakisan tebing di Sungai Sering semalam.